

## RESEARCH ARTICLE

# RANCANGAN BRIGGS DAN KAMPUNG BARU DI PAHANG : STRUKTUR DAN CIRI

## (Briggs Plan and New Villages in Pahang: Structure and Characteristics)

Mohd Herman bin Roslan<sup>1\*</sup>, Jamal Rizal bin Razali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Science (AHSGS), College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

<sup>2</sup>Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuh Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - This paper discusses the existence of Kampung Baru (KB) in the state of Pahang. The event occurred in 1950 after the British declared a state of emergency in Malaya (1948-1960) due to the insurgency activities carried out by the Communist Party of Malaya (PKM). As a result, the British and the state of Pahang have suffered various effects such as losses from an economic point of view and also concerns about the influence of communist ideology in the community. To deal with the situation, the British through General Sir Harold Briggs introduced the idea of relocating the population to new settlement areas through the Briggs Plan. This action is an effort to break the relationship and communication between communist members and the residents of certain areas. The British believed that this situation could indirectly weaken the supply chain of information, medicine and food to communist members. In relation to that, the opening and existence of this KB has offered a dynamic that can be studied from various perspectives. For this paper, the discussion is limited to explaining the existence of KB in the state of Pahang.

**ABSTRAK** - Kertas kerja ini membincangkan tentang kewujudan Kampung Baru (KB) di negeri Pahang. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1950 selepas British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu (1948-1960) akibat daripada gerakan insurgensi yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Akibatnya, British dan negeri Pahang telah menanggung pelbagai kesan seperti kerugian dari sudut ekonomi dan juga kebimbangan akan pengaruh ideologi komunis dalam kalangan masyarakat. Bagi menangani keadaan tersebut, British melalui Jeneral Sir Harold Briggs yang memperkenalkan ide pemindahan dan pengasingan populasi ke kawasan-kawasan penempatan yang baharu melalui Rancangan Briggs (*Briggs Plan*). Tindakan ini merupakan satu usaha untuk memutuskan hubungan dan komunikasi antara anggota komunis dengan para penduduk kawasan-kawasan tertentu. British percaya keadaan ini secara tidak langsung dapat melemahkan rantaian bekalan maklumat, perubatan dan makanan kepada anggota komunis. Sehubungan dengan itu, pembukaan dan kewujudan KB ini telah menawarkan satu dinamika yang boleh dikaji daripada pelbagai perspektif. Bagi kertas kerja ini, perbincangan yang dilakukan hanya terbatas kepada penghuraian tentang kewujudan KB di negeri Pahang.

### ARTICLE HISTORY

Received : 13<sup>th</sup> Sept. 2024  
 Revised : 02<sup>nd</sup> Oct. 2024  
 Accepted : 30<sup>th</sup> Oct. 2024  
 Published : 29<sup>th</sup> Nov. 2024

### KEYWORDS

Pahang  
 Kampung Baru  
 Briggs Plan  
 Communist Party of Malaya  
 Communist

### KATA KUNCI

Pahang  
 Kampung Baru  
 Rancangan Briggs  
 Parti Komunis Malaya (PKM)  
 komunis

## PENDAHULUAN

Kertas kerja ini membincangkan tentang pembukaan Kampung Baru (KB) oleh kerajaan British di negeri Pahang. Secara asasnya, KB ialah penempatan semula para penduduk daripada kampung tradisional, kampung yang berhampiran dengan hutan atau kawasan penempatan lain, ke sebuah kawasan baharu. Idea pembukaan KB ini diusulkan oleh Sir Jeneral Harold Briggs pada tahun 1950 dan beliau dilantik oleh kerajaan British khusus bagi menangani peningkatan aktiviti insurgensi yang dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) di seluruh Tanah Melayu.

Aktiviti insurgensi oleh PKM ini semakin meningkat pasca Perang Dunia ke-2. Hal ini demikian kerana pada waktu tersebut, kebanyakan negara sama ada yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dengan perperangan tersebut, berada di dalam keadaan peralihan pentadbiran. Perkara ini bermaksud, negara-negara tersebut seolah-olah tidak mempunyai sebuah kerajaan yang benar-benar mantap kerana semua pihak, terutamanya bagi negara-negara yang dijajah, sedang menangani kesan pasca-peperangan tersebut, termasuklah dalam hal ehwal pentadbiran, politik dan ekonomi.

Bagi Tanah Melayu, situasi terumbang-ambil ini telah membuka peluang kepada PKM untuk melakukan cubaan merampas kuasa. Tindakan ini mereka lakukan pada tahun 1945 sejurus Perang Dunia ke-2 tamat, apabila mereka

\*CORRESPONDING AUTHOR | Mohd Herman bin Roslan |  gerodamerah@gmail.com

© 2024 The Author(s). Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 International license

“memerintah” selama 14 hari melalui MPAJA dan Min Yuen. Namun pendekatan yang diamalkan telah menyebabkan lebih banyak kesengsaraan kepada rakyat di seluruh Tanah Melayu. Perkara ini berlaku kerana MPAJA lebih cenderung kepada tindakan membala dendam kepada British dan juga orang-orang Melayu yang tidak menyokong perjuangannya.

Insurgensi ini juga dikatakan berkaitan dengan persidangan komunis Persidangan Kongres Belia Asia (19 hingga 25 Februari 1948) juga di Calcutta. Kemudian, pada 28 Februari hingga 6 Mac 1948, telah didakwa pula Persidangan Parti Komunis India juga di Calcutta kali ke-2 (28 Februari hingga 6 Mac 1948) yang memberikan lampu hijau kepada semua parti komunis di seluruh dunia untuk mengangkat senjata dan melancarkan gerakan insurgensi bagi merampas kuasa. Ismail Saad (1984) merumuskan bahawa, keganasan PKM ini boleh dikaitkan dengan Kedua-dua persidangan tersebut dianjurkan “*World Federation of Democratic Youth*” (WFDY) dan “*International Union of Students*” (IUS) yang dipengaruhi oleh ideologi komunis sejak dari awal tahun 1948 lagi.

## **PERNYATAAN MASALAH**

KB di negeri Pahang telah dibuka disemua daerah dan dijadikan sebagai tempat perlindungan kepada para penduduk yang dipindahkan dari kampung-kampung tradisional dan penempatan dipinggir hutan. Hampir semua KB yang baharu dibuka ini adalah kawasan-kawasan yang baharu diteroka. Secara umumnya di dalam kajian ini, pengkaji akan cuba menghuraikan proses penubuhan KB di Pahang. Manakala secara khususnya akan cuba menjawab dua persoalan, iaitu;

- a) Apakah struktur dan ciri-ciri KB tersebut?
- b) Bagaimanakah KB ini dapat dikaitkan dengan serangan PKM di daerah berkaitan?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Matlamat kajian ini ialah menghuraikan dan memerihalkan keadaan atau fenomena yang berlaku. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif bagi memenuhi tujuan tersebut dan teknik yang digunakan ialah analisis dokumen. Menurut Creswell (2012), penyelidikan kualitatif merupakan suatu kaedah untuk meneroka dan memahami makna yang ditakrifkan oleh individu atau kumpulan kepada masalah sosial manusia. Di dalam hal ini, semua pengalaman kemanusiaan tersebut dirakam dan dicatatkan di dalam pelbagai dokumen.

Bagi mendapatkan maklumat, pengkaji telah mendapatkan salinan dokumen yang berkaitan dengan kajian ini daripada Arkib Negara Malaysia (Kuala Lumpur) dan Arkib Negara Malaysia (Cawangan Pahang). Data kajian ini dari sumber primer yang diarkibkan oleh kedua-dua buah badan tersebut dengan baik yang mendapatkannya daripada sumber yang berwibawa. Data yang dianalisis ialah dokumen-dokumen yang terdiri daripada surat-surat, minit mesyuarat dan laporan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan British dan negeri Pahang sepanjang tempoh berkaitan.

## **PERBINCANGAN**

British mengisyiharkan darurat pada bulan Jun 1948 sebagai tindak balas kepada pembunuhan warganegaranya yang berlaku di ladang Elphil yang terletak kira-kira dua puluh kilometer dari pekan Sungai Siput, Perak. Pembunuhan warga British itu dikaitkan dengan tindakan gerila yang dilancarkan oleh PKM di seluruh Tanah Melayu. Tindakan PKM ini sebenarnya merupakan salah satu daripada tindakan mereka untuk menguasai Tanah Melayu.

Melalui pengisyiharan ini, tentera British diberi kuasa penuh untuk mengambil apa jua tindakan yang bersifat pengamanan di seluruh Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, mereka mendapati keadaan sebaliknya telah berlaku apabila jumlah serangan semakin meningkat. Perkara ini telah menimbulkan keimbangan kepada British kerana serangan-serangan tersebut selain meragut nyawa, turut menjelaskan kepentingan mereka di Tanah Melayu terutamanya ladang getah. Bagi menangani situasi meruncing yang mengancam keselamatan dan kepentingan ekonomi dan politik British, maka pentadbiran British di Malay telah memperkenalkan Rancangan Briggs, sempenan mengambil nama Leftenan General Sir Harold Rawdon Briggs, iaitu Pengarah Operasi British di Tanah Melayu.

### **Pengenalan Rancangan Briggs di Tanah Melayu**

Selepas pengunduran Jepun dari Tanah Melayu, pentadbiran Tanah Melayu diletakkan di bawah *British Military Adviser* (Penasihat Ketenteraan British) sehingga darurat diisyiharkan pada tahun 1948. Perkara ini menjadikan pentadbiran awam tidak dapat berfungsi seperti sebelumnya. Penguatkuasaan BMA dan darurat ini sebenarnya telah menambahkan lagi masalah kepada British yang berusaha untuk mengekalkan struktur pentadbiran terdahulu. Selain itu, cadangan penubuhan Malayan Union yang telah mendapat bantahan keras oleh orang Melayu sama ada daripada sayap kanan maupun sayap kiri, turut menambah beban kepada British di Tanah Melayu.

Pada situasi tidak stabil berkenaan, serangan pihak komunis terhadap aset-aset strategik milik British di seluruh Tanah Melayu meningkatkan keimbangan pihak British. British khuatir kerana jumlah serangan semakin meningkat dan bersasar seolah-olah pihak komunis mempunyai maklumat lengkap sebelum serangan dilancarkan. Sebagai pengesahan, British melancarkan siasatan dan mengumpul maklumat menggunakan orang Melayu, orang Asli dan juga tentera British. Akhirnya, pihak British telah mengenal pasti bahawa Min Yuen merupakan dalang kepada serangan-serangan tersebut. Bagi mengekang perkara ini, satu strategi perlu diatur dan dilaksanakan bagi mematahkan serangan dan mengembalikan keamanan di Tanah Melayu.

Pada tahun 1949 dan setelah mendapat persetujuan kerajaan British di London, Sir Harold Briggs dan Sir Henry Gurney telah melancarkan rancangan penempatan semula (*resettlement*) dan setinggan (*squatters*) di seluruh Tanah Melayu terutama di pelbagai kawasan berisiko tinggi penglibatan komunis. Objektif utama pembukaan kawasan penempatan semula ini memberikan perlindungan kepada orang awam daripada ancaman komunis serta melemahkan serangan komunis. Kawasan-kawasan ini juga dikenali sebagai "kawasan hitam" kerana tahap keselamatannya yang sangat rendah dan terdedah dengan ancaman dan serangan komunis. Program penempatan semula di KB atau lebih di kenali sebagai *New Village* ini kemudiannya dinamakan sebagai Rancangan Briggs (*Briggs Plan*) dan dikuatkuasakan pada tahun 1950. Namun demikian, rancangan ini sedikit tergendala pada tahun 1951 kerana Sir Henry Gurney iaitu Pesuruhjaya Tinggi Malaya dibunu oleh komunis di Bukit Fraser. Pembunuhan Sir Henry Gurney ini telah membangkitkan kemarahan pihak British. Sebagai tindak balas, pihak British telah mengerah semua anggota keselamatan untuk membasmi komunis.

Rancangan penempatan semula dan pembukaan KB ini dilaksanakan ke seluruh Tanah Melayu termasuklah di Negeri Pahang iaitu negeri terbesar di Tanah Melayu. Namun demikian, komposisi kependudukan di Pahang tidak padat. Jarak di antara sebuah bandar dengan bandar lainnya adalah jauh dan ada kalanya sukar untuk dihubungi. Kerja-kerja pembukaan kawasan baharu ini dilakukan secara berperingkat mulai tahun 1950 sehingga ditamatkan pada tahun 1956. Antara kemudahan yang disediakan ialah sistem jalan raya dan talian telefon yang membolehkan penduduk dengan pasukan keselamatan dapat berhubung dengan lebih mudah. British juga percaya bahawa penempatan semula ini akan dapat melumpuhkan pergerakan komunis.

### **Struktur Pengurusan Kampung Baru**

Sebelum Rancangan Briggs dilaksanakan, kerajaan pusat telah menubuhkan *Director of Operations* (DO) dan *Federal War Council* (FWC) yang berpusat di Kuala Lumpur. Kedua-dua jawatan ini menjadi pusat arahan (*command centre*) semua negeri negeri di Tanah Melayu. Melalui DO pula, sebuah jawatankuasa di peringkat negeri ditubuhkan dan dikenali dengan nama Jawatankuasa Eksekutif Peperangan Negeri (*State War Executive Committee - SWEC*) bagi menguruskan hal berkenaan darurat di setiap negeri masing masing. SWEC diletakkan di bawah pentadbiran FWC di mana semua arahan dan laporan akan diterima dan dihantar ke majlis negeri. Ahli jawatankuasa utama SWEC ini terdiri daripada Menteri Besar, Penasihat British, Ketua Polis Negeri dan Ketua Angkatan Tentera. Pejabat SWEC Pahang ditubuhkan di Kuala Lipis kerana kedudukannya sebagai ibu negeri Pahang ketika itu. Sebagai ibu negeri, semua aktiviti ekonomi, politik, pentadbiran dan sosial bertumpu di Kuala Lipis. Ahli jawatankuasa utama SWEC ini terdiri dari Ketua Angkatan Tentera yang ber pangkat Brigadier 48 Brigade manakala Setiausaha Jawatankuasa ini pula adalah Setiausaha Kebajikan Kaum Cina yang ditempatkan di Ibu Pejabat Polis Kuala Lipis.

Struktur pentadbiran yang sama juga dibuat di peringkat daerah dan dikenali dengan nama Jawatankuasa Eksekutif Peperangan Daerah (*District War Executive Council - DWEC*). Ahli Jawatankuasa diperingkat ini terdiri daripada Pegawai Daerah, Ketua Polis Daerah (O.C.P.D) atau (O.S.P.C), Ketua Pasukan Tentera dan seorang Pegawai Eksekutif bagi mengurus tadbir kawasan setinggan, penempatan dan penempatan semula. Pegawai Eksekutif ini ditempatkan di balai polis daerah dan bekerjasama dengan pasukan polis sepanjang masa. Ketiga-tiga jawatankuasa ini akan membantu kelancara dan memperluaskan pentadbiran awam di kawasan-kawasan yang sudah diputihkan dan akan bekerjasama bagi melicinkan pentadbiran di daerah masing masing. DWEC ini bertanggungjawab untuk mendapatkan nasihat daripada SWEC bagi pelaksanaan sesuatu undang undang atau peraturan di daerah terbabit termasuklah polisi berkaitan darurat. Semua maklumat berkaitan bantuan yang wajar diberikan kepada penduduk KB, cadangan dan jangkaan pembinaan mestilah diserahkan kepada pegawai pejabat tanah di kawasan masing masing (Pahang Secret WEC 2/1).

Jadual 1. Struktur pentadbiran Tanah Melayu semasa darurat (pelbagai sumber)

Bil.	Jawatan/Jawatankuasa	Fungsi	Keahlian	Peringkat
1.	<i>Director of Operations</i> (DO)	<i>Command Centre</i>	Pegawai British	Persekutuan
2.	<i>Federal War Council</i> (FWC)	Merancang Strategi	Pegawai British	Persekutuan
3.	<i>State War Executive Committee</i> (SWEC)	Menerima arahan daripada DO dan FWC untuk dilaksanakan di negeri	Menteri Besar, Penasihat British, Ketua Polis Negeri dan Ketua Angkatan Tentera	Negeri
4.	<i>District War Executive Committee</i> (DWEC)	Menyelaras tindakan di daerah	DO, OCPD, Eksekutif	Daerah

### **Latar Belakang Kampung Baru**

Matlamat utama pembukaan KB adalah menyekat aktiviti Min Yuen yang mendapat bantuan daripada penduduk kampung terutamanya yang berketurunan Cina. Dalam tempoh 2 tahun pelaksanaan Rancangan Briggs, pentadbiran British telah membuka sebanyak 444 buah KB dan seramai 470,509 orang telah dipindahkan di seluruh Tanah Melayu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 314 buah KB yang penghuninya adalah majoriti keturunan Cina telah dibuka. Hal ini berkaitan dengan risikan British bahawa penduduk yang berketurunan Cina mempunyai rasa simpati yang tinggi kepada pergerakan komunis dan memberikan pelbagai bantuan seperti makanan dan ubat-ubatan. Maka melalui pemindahan dan penyusunan semula penempatan ini, hubungan antara penduduk berketurunan Cina dengan anggota pengganas komunis dapat dibatasi.

Dalam pada itu, MCA juga telah memainkan peranan yang penting di dalam penubuhan KB ini apabila menubuhkan cawangan MCA di setiap kampung baru tersebut (Heng Pek Koon, 1984, p. 79&104). Perkara ini dapat dikaitkan dengan pegangan MCA yang tidak bersetuju dengan tindakan pergerakan komunis yang menggunakan pendekatan gerila di seluruh Tanah Melayu. Selain itu, British turut mengambil beberapa langkah pencegahan, iaitu;

- a) menempatkan tokoh yang disegani dalam komuniti masyarakat.
- b) mengenal pasti ahli Min Yuen yang terlibat dalam kegiatan membekalkan maklumat dan barang-barang keperluan kepada anggota komunis.
- c) memberi pengampunan kepada mana-mana ahli Min Yuen yang tampil membuat pengakuan terbuka.
- d) menampal poster wajah ahli Min Yuen.
- e) menambah jumlah keanggotaan *Special Constable* dalam kalangan kaum Cina.

Pemindahan penduduk kampung yang dilakukan oleh British ini turut melibatkan kaum lain; Melayu, India dan Orang Asli. Perkara ini sangat berkaitan dengan kewujudan pasukan gerakan komunis di Pahang iaitu, PKM Rejimen 10 yang ditubuhkan di Temerloh pada tahun 1950. Antara anggota PKM Rejimen 10 ini yang sangat berpengaruh ialah Mat Lela, Manap Jepun, Wahid Anuar (MB Pahang Top Secret, No 189/50) dan mereka ini aktif di sekitar daerah Temerloh hingga ke Bentong. Manakala bagi penduduk berketurunan India pula, mereka terdiri daripada buruh ladang yang bekerja di ladang-ladang milik British dan tidak terlibat dengan sebarang gerakan komunis. Namun demikian, British tidak begitu memberi tumpuan kepada kedua dua kaum ini kerana jumlah mereka yang tidak besar selain penglibatan mereka yang tidak begitu menonjol dalam kegiatan insurgensi komunis ketika itu. Jumlah yang dipindahkan juga tidak besar dan mereka yang dipindahkan ini hanyalah individu dikatakan mempunyai saudara mara yang terlibat secara langsung dengan pergerakan PKM.

### **Kemudahan dan Keselamatan di Kampung Baru**

Di dalam penyediaan kemudahan asas seperti tempat tinggal di KB, British telah menyediakan bangunan tempat tinggal atau rumah panjang. Kemudahan ini memberi sedikit keselesaan kepada para penghuni KB ini. Namun demikian, daripada segi mata pencarian pula, kebanyakannya kawasan KB ini baru dibuka, maka para penduduknya terpaksa memulakan kehidupan mereka semula meninggalkan semua pemilikan mereka di tempat asal.

Selain itu, bagi mengawal pergerakan komunis daripada mewujudkan hubungan dengan penduduk yang berpindah ini, pihak British telah mewujudkan sistem pentadbiran, peraturan, polisi dan sokongan di setiap kawasan penempatan ini. Terdapat 3 jenis kawasan setinggan yang di beri perhatian iaitu;

- 1) kawasan yang aktif membantu dan bersimpati dengan perjuangan komunis
- 2) kawasan yang terdedah dengan ancaman komunis
- 3) kawasan penempatan setinggan yang di buka secara haram tetapi para penduduk patuh kepada undang-undang.

Bagi menguruskan ketiga-tiga perkara tersebut, ejen risikan juga ditempatkan di dalam kalangan penduduk (Pahang Secret WEC 2/1) bagi mendapatkan maklumat berkenaan sebarang gerakan penganas komunis termasuklah mereka yang bersimpati dengan perjuangan komunis.

Jabatan Siasatan Jenayah (*Crime Investigation Department*) diberi tanggungjawab untuk menjalankan siasatan di kawasan yang disyaki mempunyai hubungan dengan aktiviti penganas. Sekiranya didapati bersalah mereka yang ditangkap, dipenjarakan atau dibuang daripada KB termasuklah ahli keluarga mereka. Oleh itu, pos-pos kawalan oleh pasukan polis akan di bina di kawasan-kawasan setinggan tersebut bagi memastikan penduduk yang tinggal di kawasan yang disyaki dapat di kawal dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan (D.O Pekan Secret 6/47). Melalui penubuhan pos-pos kawalan ini juga, para penduduk KB akan berasa lebih selamat dan mereka juga dapat membantu pihak keselamatan mengawal kawasan-kawasan tertentu yang tidak dapat dikawal oleh pasukan polis atau tentera. Hal ini sangat penting bagi menyelaras tindakan untuk mematahkan rancangan yang dibuat oleh komunis.

Bagi melancarkan urusan dengan penduduk kampung baru pula, keutamaan diberikan kepada mana-mana pegawai yang boleh bercakap bahasa Cina. Mereka ini akan menjadi “lidah dan suara” kepada pihak atasaran dengan menyampaikan maklumat yang dikumpul daripada pendudukan kampung baru ini. Bagi mengukuhkan proses pengawalan dan pencegahan gerakan komunis ini, pihak British telah mewujudkan Majlis Tindakan Keselamatan disemua 7 daerah di dalam Negeri Pahang. Peranan utama majlis ini ialah mengenal pasti lokasi yang sesuai daripada pelbagai aspek untuk dijadikan KB.

### **Statistik Kampung Baru di Pahang**

Secara keseluruhannya, seramai 8,400 orang telah dipindahkan ke 64 buah KB di seluruh Pahang. Jumlah paling tinggi melibatkan daerah Bentong iaitu seramai 2,695 orang ke 21 buah KB. Statistik ini merupakan jumlah terbanyak berbanding daerah-daerah lain di negeri Pahang. Jadual 2 adalah senarai KB di Pahang pada tahun 1952. Jadual 3 adalah taburan komposisi kaum dan keluarga yang dipindahkan ke Kampung Baru di seluruh negeri Pahang.

Jadual 2. Senarai Kampung Baru di Pahang 1952

BIL.	DAERAH	JUMLAH	NAMA KB	BIL.	DAERAH	JUMLAH	NAMA KB
1.	Pekan	2	Kampung Aur Kampung Maran	6.	Temerloh	10	Mentakab Bandar Temerloh
2.	Kuala Lipis	6	Padang Tengku Penjom Benta Sebrang Jerkoh Kampung Chin Kampung Jerkoh				Kualau Krau Kerdau Lanchang Batu 5 Mengkarak Kerayong
3.	Cameron Highlands	7	Tringkap Brinchang Kuala Terla Kea Farm Ringlet Bertam Valley Lubok Tamang	7.	Bentong	21	Mengkuang Kemayan Repas Chamang Kemansur Perting Ketari (campur)
4.	Jerantut	10	Sungai Jan Jerantut Ferry Mela Perias Kg Mansok Kg Paya Teh Kg Paya Tampin Kg Batu Tenggal Kg Melayu Jerantut Kg India Jerantut				Sungai Dua Karak Kuala Padah Sungai Gapoi Manchis Bukit Tinggi Timber Kongsi Sungai Penjuring Jawi jawi Simpang Pelangai
5.	Raub	9	Sang Lee Sungai Chetang Sungai Ruan Sempalit Sungai Lui Cheroh Bukit Koman Jeram Busu Ulu Atok				Manchis Jambu Rias Paya Lengkong Benus Gemeti Dua (Jalan Mentakab)
					Jumlah	64	

\*Sumber : (SUK Pahang, Pahang No 1604/1952, Statistical Information Concerning New Villages)

Jadual 3. Komposisi kaum di Kampung Baru

BIL	DAERAH	JUMLAH			
		CINA	MELAYU	INDIA	BANGSA LAIN
1.	Kuala Lipis	665	74	-	-
2.	Jerantut	355	288	-	-
3.	Raub	1852	191	106	-
4.	Bentong	2376	319	-	-
5.	Temerloh	1294	-	4	-
6.	Pekan	73	52	14	1
7.	Cameron Highlands	659	4	61	12
	Jumlah	7274	928	185	13
	Jumlah keseluruhan				8400

\*Sumber: (SUK Pahang, Pahang No 1604/1952, Statistical Information Concerning New Villages)

Secara keseluruhannya terdapat seramai 8,400 orang telah dipindahkan daripada penempatan asal atau kampung-kampung tradisional ke KB di seluruh negeri Pahang. Semua penduduk ini ditempatkan di 64 buah kampung baru yang berada di semua daerah ketika itu.

Daripada segi jumlah individu dalam kaum tertentu, didapati seramai 7,274 orang daripada kaum Cina telah dipindahkan berbanding kaum Melayu iaitu 928 orang dan India pula hanya 185 orang. Manakala di daerah Bentong melibatkan penduduk seramai 2,685 orang telah dipindahkan. Daerah yang paling sedikit pula ialah Pekan yang hanya melibatkan seramai 140 orang sahaja. Pecahan berdasarkan kaum dari daerah-daerah pula Cina di Bentong seramai 2,376, Melayu juga di Bentong iaitu 319 dan India di Raub seramai 106 orang.

### **Serangan di Pahang**

Perspektif strategi ketenteraan dan komunikasi melihat KB adalah strategi ampuh untuk melemahkan PKM. Menurut Jamal Rizal Razali et al, (2020), jumlah serangan yang dilancarkan oleh anggota PKM menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu sebanyak 21 serangan pada tahun 1949, menurun kepada 15 serangan pada tahun 1950, 13 serangan pada tahun 1951 dan hanya 6 serangan pada tahun 1952.

Perbezaan dan penurunan jumlah serangan ini boleh dikaitkan dengan keberkesanan dan kejayaan Rancangan Briggs ini yang meletakkan matlamat utamanya untuk memutuskan hubungan dan komunikasi antara masyarakat awam dengan anggota pergerakan komunis. Sebaik sahaja perancangan KB bermula, hubungan dan kadar pertemuan antara orang awam dengan pengganas komunis semakin berkurangan. Akibatnya, pengganas komunis ini mengalami kekurangan bekalan bahan makanan, ubat-ubatan kerana pihak yang membekalkan semua barang tersebut tidak lagi dapat melakukannya. Begitu juga dengan pelbagai maklumat strategik yang tidak lagi dapat disalurkan kepada mereka.

Pada masa sama, British juga giat melancarkan pelbagai kegiatan *pre-emptive* seperti penguatkuasaan undang-undang pengenalan diri, tempoh masa terhad aktif (siang sahaja), perintah berkurnung (*curfew*) risikan yang lebih teratur, pemburuan dan pengampunan kepada anggota Min Yuean dan komunis yang tampil menyerah diri kepada British. Tindakan ini turut mendapat bantuan dan sokongan daripada negara-negara Komanwel seperti New Zeland, Australia, India dan Kanada. Tindakan yang diambil oleh British ini didapati berjaya melemahkan pergerakan anggota komunis dan PKM sehingga akhirnya mereka mula bergerak meninggalkan Tanah Melayu menuju ke Thailand.

## **KESIMPULAN**

Pembukaan KB merupakan salah satu strategi British untuk memutuskan rantai hubungan antara penduduk kampung tradisional dan pinggir hutan dengan anggota komunis. Apabila kedua-dua pihak tidak dapat bertemu, maka pelbagai perkara seperti bahan makanan, ubat-ubatan dan maklumat tidak dapat disampaikan. Perkara ini memberikan kesan yang besar kepada anggota komunis yang berada di dalam hutan daripada aspek fizikal, mental dan psikologi. Lama-kelamaan, pergerakan anggota komunis semakin lemah dan terbukti melalui jumlah serangan yang semakin berkurangan.

Jika dilihat daripada sudut sosial, KB telah menjadi asas kepada kewujudan sebuah sistem sosial baharu. Ada KB yang mempunyai penghuni yang bercampur, ada juga KB yang tidak melibatkan percampuran kaum dan setiap satunya mempunyai dimensi yang khusus dan tersendiri. Pembukaan KB ini juga seolah-olah menjadi satu ujian kepada penduduk di kawasan sekitar KB dan juga kepada British sama ada penduduknya kekal beada di dalam lingkungan kaum sendiri, bercampur dengan kaum lain atau membentuk suatu identiti baharu.

Manakala daripada sudut ekonomi, KB menjadi platfrom pelbagai aktiviti ekonomi bukan sahaja kepada penduduknya tetapi juga kepada masyarakat sekitar. Pembukaan kawasan-kawasan pertanian di sekitar KB seperti kebun getah dan kelapa sawit telah menjadi punca pendapatan utama kepada penduduk KB. Selain itu, pelbagai jenis perniagaan mula mendapat tempat tempat seperti perniagaan runcit, makanan dan lain-lain yang diusahakan oleh penduduk KB mahupun oleh penduduk di kawasan sekitarnya. Bagi memenuhi keperluan asas pula, beberapa jenis perkhidmatan sosial seperti sekolah, klinik kesihatan, pejabat pos, pondok polis, bomba telah dibuka bagi menyediakan perkhidmatan kepada penduduk KB. Limpahan kemudahan seperti ini turut memberi manfaat kepada penduduk sekitar KB berkenaan.

Daripada aspek politik pula, penduduk KB ini juga terlibat dengan politik kepartian seperti kawasan-kawasan penempatan lain. Dapat dikatakan bahawa, penduduk KB ini cenderung kepada ideologi politik yang diperjuangkan MCA, DAP dan Gerakan iaitu, berasaskan perjuangan dan menjaga kebajikan kaum. Bagi penduduk lain yang tidak menyertai ketiga-tiga parti tersebut, mereka mempunyai beberapa pilihan lain seperti UMNO dan PAS (bagi orang Melayu) serta MIC (bagi orang India).

Secara umumnya, sehingga ke hari ini, semua KB di Pahang ini masih lagi wujud. Namun begitu, KB tersebut telah mengalami perubahan daripada pelbagai aspek berdasarkan masa dan perkembangan teknologi. Terdapat KB yang telah berkembang menjadi pekan kecil, bandar, sebahagian daripada bandar utama dan kawasan penghubung antara bandar terdekat dengan penempatan lain di sekitarnya. Tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan KB telah menimbulkan pelbagai impak kepada negeri Pahang.

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia (Cawangan Pahang dan Kedah), Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Universiti Sains Malaysia, dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang membantu kelancaran kajian dan penulisan artikel ini. Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dr Sah Hadiyatun bin Ismail yang merupakan Penyelia Latihan Ilmiah kepada Mohd Herman Roslan di USM.

## SUMBANGAN PENULIS

Mohd Herman bin Roslan: Abstrak, Pendahuluan, Penyataan Masalah, Metodologi Kajian, Kutipan Data, Perbincangan, Draf Akhir

Jamal Rizal bin Razali: Penyataan Masalah, Analisis Data, Perbincangan, Draf Akhir.

## RUJUKAN

- Abdullah, S. (2005). *Setengah Abad Dalam Perjuangan*. Strategic Information Research Development: Petaling Jaya.
- Abdul Ghani Kanesan, A., & Kuppan, K. A. (2009). Pengaruh kepemimpinan transformasi sekolah dan efikasi kolektif guru terhadap komitmen kualiti pengajaran. In *Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-16 2009* (pp. 23-36). Institut Aminuddin Baki.
- Abu Hassan, R. (2014). *Kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di Kolej Vokasional Negeri Pahang* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Ahmad, H. H. (1993). *Pendidikan dan masyarakat: Antara dasar, reformasi dan wawasan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Amri Baharuddin, S. (1996). Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Japanese Journal of Southeast Asian Studies*, 34(3), 476-499.
- Amri Baharuddin, S., & Anis Yusal Yusoff. (2014). *Unity, Cohesion and Reconciliation*. ITBM & KITA Publishing: Kuala Lumpur.
- B.A Pahang 37/1950. (t.t). *Occupation of School In Pahang By The Military*.
- B.M.A Top Secret 48=46. (t.t). *Warning Against M.C.P Intelligence Corps*.
- Brimmell, J. H. (1956). A short history of the Malayan Communist Party. In *UMI Books on Demand*.
- Cooper, B. C. (2001). *Decade of Change: Malaya and the Straits Settlements, 1936-1945*. Graham Brash: Singapore.
- Cheah, B. K., & Ismail, Z. (1982). *Komrad Bertopeng. Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis Di Tanah Melayu 1945 – 1948*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Chin Peng. (2003). *My Side of History*. Media Master: Singapore.
- Chin, C. C., & Hack, K. (Eds.) (2005). *Dialogue with Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*. Singapore University Press: Singapore.
- Chye, K. L. (2002). The British Battalion in the Malayan Campaign 1941–1942. *Kuala Lumpur: Documentation and Publication Unit, Department of Museum and Antiquities*.
- Creswell, J. W. (2015). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Boston, MA: Pearson.
- D.O Pekan Secret 6/47. (t.t). *Emergency - Miscellaneous File*.
- Ghows, M. a. M. H. (2006). *The Malayan Emergency revisited 1948-1960: A Pictorial History*. AMR Holdings Sdn Bhd.
- Haji Asli, M. R. (1980). *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Hanrahan, G. Z. (1971). *The Communist Struggle in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur (reprint of 1954 edition).
- Heng, P. K. (1984). *The Chinese Politics In Malaysia: A History of Malaysian Chinese Association*. Oxford University Press: Kuala Lumpur.
- Ho, H. L. (2004). *Darurat, 1948-1960 : Keadaan sosial di Tanah Melayu*. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ho, H. L. (2012). *Strategi pergerakan komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM), 1920-1989 (The strategy of the Communist Movement and the Malaya Communist Party (PKM), 1920-1989)*. Sarjana, 27(2), 61–78.
- Ibrahim, C. (2004). *Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Regimen ke-10*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Inderajaya, A. (2014). *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Rakyat Jepun*. Strategic Information and Research Development Centre: Petaling Jaya.
- Ismail, S., (1984). Pemberontakan PKM: Mengapa gagal, dalam Khoo Kay Kim & Adnan Hj. Nawang, (edt), *Darurat 1948-1960*. Muzium Angkatan Tentera: Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat). (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kennedy, J. (1970). *A history of Malaya*. Front Cover. Macmillan.
- Kim, K. K. (1973). *The Beginnings of Political Extremism in Malaya, 1915-1935*. Doctoral dissertation, Ph. D Thesis. Universiti Malaya.

- Kim, K. K., & Ranjit, S. M. (1994). *Dancing and Gambling amid the Emergency*, History Alive, Sunday Star 13 Mac 1994.
- Kim, K. K., & Adnan Hj. Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*. Muzium Angkatan Tentera: Kuala Lumpur.
- Khong, K. H., (1984). *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence, in Malaya, 1945-1957*. Institute for Social Analysis (INSAN): Kuala Lumpur.
- Kua, K. S. (2011). *Patriots & Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*. Suaram Kommunikasi: Petaling Jaya.
- Langgulung, H. (1986), *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Laporan Serangan Pengganas Komunis di Negeri Pahang 1948-1982. Muzium Polis Diraja Malaysia: Kuala Lumpur.
- Lee, K. H., & Tan, C. B. (2000). *The Chinese in Malaysia*. Oxford University Press: Michigan.
- Low, C. C. (2013). *Isu dwikerakyatan dalam pembentukan kewarganegaraan Malaysia, 1900-1965*. Penerbit Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- MB Pahang Secret No 23/50. (t.t). *Resettlement Area -Mengkuang. School History*. (2020). Didapatkan Jun 2020, 26, daripada schoolhistory.co.u: <https://schoolhistory.co.uk/notes/power-loom/>
- M.B Pahang Conf. (No 1/51). *Draft Amendment To The Federated Citizenship Regulations*.
- M.B Pahang Top Secret . (No 196/50). *Precis On The Basic Paper On The Malayan Comumunist Party*.
- MB Pahang. (Confidential 134/51). *Appointment of a Standing Committee of Executive Council To Keep An Eye On The Progress Of The Emergency*.
- MB Pahang. (97/49). *Operation Snow White*.
- MB Pahang Conf No 190/50. (t.t). *Accommodation On Pulau Tioman And Other East Coast Islands For Detainees*.
- MB Pahang Conf . (No 22/1950). *Resettlement Area-Jerkoh*.
- MB Pahang Conf 11-49. (t.t). *Government Policy Concerning Squatters*.
- MB Pahang Conf No 17/50. (t.t). *To Ensure That Communist Doctrine and Theories Are Not Thaught And Diseminated In Chinese Schoo*.
- MB Pahang Conf No 19/49. (t.t). *Expansion of the Malay Regiment*.
- MB Pahang Conf. No 118/51. (t.t). *Economics and Administrative Aspects of Resettlement*.
- MB Pahang Confidential 134/51. (t.t). *Appointment of a Standing Committee of Executive Council To Keep An Eye On The Progress Of The Emergency*.
- MB Pahang Secret. (49/1950). *Anti Meng Yuen Action Committee Of Experts To Advise "War Cabinet*.
- MB Pahang Secret. (No 23/50). *Resettlement Area -Mengkuang*.
- MB Pahang Secret No 156/49. (t.t). *Orders Under Emergency Regulations No 17F*.
- MB Pahang Secret No 200/50. (t.t). *Rice Rationing Scheme Of Day Rice To Communist Terrorist*.
- MB Pahang Secret No 32/1950. (t.t). *The Regiment M.R.L.A - Lau Krus*.
- MB Pahang Secret No 40-50. (t.t). *Report By Assistant Secretary for Chinese Affairs On The Journey From Jenderak Estate To Kerdau*.
- MB Pahang Secret No 43/50. (t.t). *Statements From S.E.P*.
- MB Pahang Secret No 63/1950. (t.t). *Proposal Measures To Deal With Bandit Attacks On The Railway East Cost Railway*.
- MB Pahang Secret No 63/55. (t.t). *Amnesty Offered To Communist Terrorists By Government*.
- MB Pahang Top Secret. (No 189/50). *Appreciation On The Potential Of The Malayan Communist Party*.
- MB Pahang Top Secret No 196/50. (t.t). *Precis On The Basic Paper On The Malayan Communist Party*.
- Mahmud, E. (2004). Golongan revolucioner komunis Indonesia di Tanah Melayu dan kesan awal ke atas pergerakan Komunis Melayu 1924-1942, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia.
- MB Pahang Top Secret No 201-50. (t.t). *Government Servants With Left Wing Tendencies*.
- Mohamaed, S. L. (2006). *Gerakan dan Tokoh Kiri: Kamarulzaman Teh dalam Kancah Perjuangan Kemerdekaan*. Strategic Information and Research Development Centre: Petaling Jaya.
- Nie, K. S., Khiang, C. C., Kee, T. J. L. H. P., & Kee, C. P. (2011). Pembingkaian isu pendidikan di Malaysia oleh sumber berita dan akhbar cina. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 221-238.
- N.S. 1129/1940. Translation. The Malayan Communist Party's Ten Principles.

- Olmedo, E., & Shamsul, A. B. (2018). 'Mamakization': Measuring Social Cohesion in Malaysian Iconic Eateries. In *Who Decides?* (pp. 193-218). Brill.
- Pahang (No 839/1956). *Development of Small Trades and Industries In New Village*.
- Pahang No 152/1956. (t.t). *Paya Kecil New Village*.
- Pahang No 2072/1952. (t.t). *Agricultural Land For Food & Other Crops To The Settlers of The Sempalit New Village*.
- Pahang No 2074/1952. (t.t). *Gazetting of New Village of Kea Farm, Kuala Terla, Tringkap dan Bertam Valley As Partial Town Board Under The Town Enachment*.
- Pahang Secret W.E.C No 12/4. (t.t). *CT Eleminations In Pahang*.
- Pahang Secret W.E.C No 17/11. (t.t). *Degrouping of Malay Kampung*.
- Pahang Secret WEC 2/1. (t.t). *District War Executive Committees Establishment & Correspondance*.
- Pahang Confidential 42/37. Effort to Deal With Communist. Office of the Federal Commissioner of Police, F.M.S., Kuala Lumpur, 3<sup>rd</sup> April, 1937.
- Phee, T. T. (2020). *Behind Barbed Wire : Chinese New Village During The Malayan Emergency 1948-1960*. Strategic Information and Research Development Centre: Petaling Jaya.
- Razali, J. R. (2014). *NegaraKu Negara Kita*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang: Kuantan.
- Razali, J. R. (ed.). (2015). *Dirgahayu Darul Makmur*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang: Kuantan.
- Razali, J. R., & Abidin, I. (eds). (2020). *Katemeneh Komunis*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang: Kuantan.
- Razali, J. R., Abidin, I., & Hishamuddin, A. R. (2020). Serangan Komunis di Pahang. *Katemeh Komunis*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Roslan, M. H. (2020). Kampung Baru di Pahang (1949-1952) dlm Jamal Rizal Razali, Imaduddin Abidin (eds.). 2020. *Katemeneh Komunis*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang: Kuantan.
- Roslan, M. H., & Razali, J. R. (2022). *Perkembangan Kampung Baru di Negeri Pahang*. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang: Kuantan.
- Ramlah Adam. (2003). *Sejarah Perkembangan Pilihanraya Era Pra Merdeka 1955*. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Ratnam, K. (1969). *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*. Universiti Malaya Press: Kuala Lumpur.
- Richard Clutterbuck (1967). *The Long-Long War; The Emergency in Malaya, 1948-1960*. Cassell and Company: London.
- Robert Jackson (1991). *The Malayan Emergency; The Commonwealth's Wars, 1948-1966*, Routledge: London and New York.
- Sia, K. Y., SRJK (Cina) dalam sistem pendidikan kebangsaan. Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- SUK Pahang. (Pahang No 1209/1953). *Establishment of Assistant Resettlement Officer*.
- SUK Pahang. (Pahang No 403/1952). *Decentralisation Of Control of Resettlement Schemes – Financial & Others*.
- SUK Pahang. (Pahang Conf No WEC 3/2). *Pahang Emergency Advisory Committee*.
- SUK Pahang. (Pahang No 1089/1952). *Planning New Village*.
- SUK Pahang. (Pahang No 1283/1952). *Posting of Mr V.L Sargent As A Resettlement Supervisor To Pahang*.
- SUK Pahang. (Pahang No 1604/1952). *Statistical Information Concerning New Villages*.
- SUK Pahang. (Pahang No 1968/1951). *Posting of Mr J.R Haddock To Pahang As A Resettlement Officer*.
- SUK Pahang, (Pahang No 1604/1952). *Statistical Information Concerning New Villages*. (t.t).
- Tan, C. K. (1984). Pemberontakan PKM: Mengapa Berlaku, dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, Muzium Angkatan Tentera: Kuala Lumpur.
- Tee Abdullah, M. R. (2010) Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 2(1). pp. 61-84.
- Yahaya, A. S. (2005). *Mengurus sekolah*. PTS Professional. Edisi ke -3. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
- Yong, C. F., & McKenna, R. B. (1990). *The Kuomintang Movement in British Malaya, 1912-1949*. National University of Singapore Press: Singapore.